

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI PAMERAN ISTIMEWA HASIL PERTUKANGAN KRAF
TEMPATAN DAN PAMERAN KRAF SEMASA
DI INFOKRAF, JALAN SULTAN HISHAMUDDIN
KUALA LUMPUR, PADA HARI RABU
21HB. JUN, 1989
PUKUL 4.30 PETANG

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan selamat sejahtera.

Datin Paduka

Yang Berbahagia Tan Sri Hajjah Aishah Ghani;

Pengerusi, Perbadanan Kraftangan

Yang Berbahagia Ketua Pengarah *An. Sulaima Osman.*

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia;

Dif-Dif Kehormat;

Pengarah Kraftangan
Perbadanan

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Syukur alhamdulillah kerana saya dapat hadir bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan di Majlis pada hari ini.

2. Perkembangan dan kemajuan dalam industri kraf masa kini sangat membanggakan. Kita dapat melihat bagaimana bahan-bahan terbuang seperti tempurung, daun-daun kering dan akar-akar kayu diolah dan dijadikan barang-barang kraf. Saya mengucapkan tahniah di atas inisiatif ini dan saya berharap kebolehan ini akan dapat menambahkan lagi sumber pendapatan kepada mereka yang melibatkan diri dalam industri kraf ini.

3. Perkembangan ini adalah sangat-sangat diharapkan. Sepertimana kita semua sedia maklum, negara kita perlu mewujudkan sektor

...pembuatan/-

pembuatan yang lebih cergas bagi tujuan memajukan lagi pertumbuhan ekonomi negara. Saya percaya industri kraf juga mempunyai peranan yang sama pentingnya dengan industri-industri yang lain di negara kita. Saya percaya dengan adanya kemahiran yang kita warisi serta kepekaan kita terhadap penggunaan bahan-bahan yang banyak terdapat di negara kita serta kepandaian anak-anak muda kita dalam bidang seni kraftangan, akan dapat, insya-Allah, mewujudkan suasana yang boleh menjadikan industri kraf sebagai satu sektor pembuatan yang dapat memberi sumbangan kepada ekonomi negara ini.

4. Pada masa dahulu industri kraf ini hanya dilihat sebagai satu industri sambilan sahaja. Ianya hanya bergerak pada masa

...lapang/-

lapang sahaja dan diusahakan oleh tenaga-tenaga yang tidak digembling sepenuhnya bagi tujuan pengeluaran barang-barang secara teratur. Sekiranya industri kraf ini hendak kita gerakkan sebagai satu sektor pembuatan, maka unsur-unsur baru khusus dari aspek pengeluaran dan pemasaran hendaklah diberi keutamaan. Pembawaan masuk teknologi yang sepadan bagi tujuan mengemas-kini urusan pengeluaran hendaklah juga dititik-beratkan.

5. Melalui beberapa program Kerajaan yang akan dilaksanakan seperti Tahun Melawat Malaysia 1990, Sukan SEA dan pada bulan Oktober pula negara kita akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) adalah merupakan peluang

...yang/-

yang besar bagi kita untuk menjual barang-barang yang kita buat kepada para pelancong yang melawat negara ini. Kita hendaklah menggunakan peluang ini untuk dijadikan asas kepada kita untuk berurus-dagang secara lebih besar lagi. Dalam hal ini, sebagai aktiviti promosi, gunakanlah program-program yang disediakan oleh Kerajaan sebagai landasan promosi bagi tujuan untuk memperkenalkan kebolehan dan keindahan barang-barang kraf kita bagi memasarkan barang-barang ini ke luar negeri.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Kegiatan-kegiatan kesenian tangan sentiasa dihubung-kaitkan dengan kegiatan-kegiatan kaum wanita. Saya ingin

...mengambil/-



mengambil kesempatan di sini untuk menyeru kepada semua kaum wanita untuk melihat industri kraf ini sebagai satu industri yang boleh diceburi. Kalaupun negara-negara jiran kita dapat menjadikan rekaan bunga-bunga daripada kain sutera sebagai satu komoditi dagangan, maka peluang sebegini boleh juga diterokai oleh kaum wanita kita. Kegiatan membuat bunga-bunga ini bukanlah satu kegiatan yang baru wujud di kalangan kita malah kegiatan-kegiatan ini telah dilakukan oleh nenek moyang kita bertahun-tahun yang lalu. Perbezaan yang terdapat kini ialah hanya dalam aspek pemasaran dan pengeluaran yang mana ianya lebih tersusun lagi. Oleh itu, kaum wanita sekarang ini perlulah menggembiling tenaga serta bergerak cergas di atas landasan yang lebih teratur bagi tujuan

...untuk/-

untuk menjadikan kegiatan ini sebagai satu kegiatan industri. Dengan cara begini, kita akan dapat menikmati faedah yang berlipat ganda daripada kegiatan ini.

7. Pada petang ini kita akan melihat pameran barang-barang kraf terbaru yang dihasilkan oleh tukang-tukang kraf tempatan, bagi membolehkan kita terutamanya pengusaha-pengusaha kraf, untuk melihat serta menerokai bidang-bidang baru dalam industri kraftangan. Bagi tukang-tukang kraf yang dipilih untuk menyertai pameran barang-barang kraf hasilan mereka, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan semoga usaha mereka memperolehi kejayaan.

...Dalam/-

-7-

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Dalam usaha Kerajaan meletakkan industri kraf sebagai satu sektor pembuatan dan pengeluaran barang-barang secara komersial, maka adalah penting untuk kita mengutamakan soal mutu dan juga soal perjanjian dagangan hendaklah sentiasa kita patuhi supaya barang-barang kita dapat diuruskan dengan berkekalan. Saya percaya pada suatu masa nanti negara kita akan dikenali sebagai sebuah negara pembekal barang-barang kraf yang indah dan utama di dunia. Semua ini akan dapat dicapai sekiranya semua pihak iaitu para pengeluar, para pengeksport dan juga institusi-institusi kewangan dapat memberi perhatian dan sokongan penuh kepada industri ini.

...Saya/-



9. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan anak-anak syarikatnya kerana menjemput saya menghadiri majlis ini serta memberi peluang kepada saya untuk melihat sendiri keindahan barang-barang kraf yang dikeluarkan. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk menyeru kepada para hadirin yang ada di Majlis ini untuk bersama-sama menolong memperkenalkan barang-barang kraf ini di mana sahaja tuan-tuan dan puan-puan berada. Dengan cara ini kita akan dapat memperluaskan lagi pengedaran barang-barang kraf ciptaan Malaysia.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu
alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

